

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

**Bahasa Melayu bentuk perpaduan kebangsaan**  
29. Jul 2008  
Berita Harian  
Nasional  
217920  
2083000

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color  
AdValue

MALAY  
20  
275 cm2  
Daily  
Full Color  
4867.20



# Bahasa Melayu bentuk perpaduan kebangsaan

## Ubah sistem pembelajaran baiki hubungan kaum: Ungku Aziz

Oleh Syuhada Choo Abdullah  
[chooebharian.com.my](http://chooebharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan perlu melakukan beberapa perubahan terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran, khususnya mengenai bahasa Melayu bagi mewujudkan perpaduan kaum di negara ini, kata Prof Diraja Ungku Aziz.

Beliau berkata, perubahan itu perlu merangkumi semua peringkat persekolahan termasuk di sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.

"Bahasa Melayu penting untuk mewujudkan perpaduan, manakala bahasa Inggeris boleh digunakan untuk pembangunan ekonomi negara.

"Pada masa kini, usaha untuk mewujudkan perpaduan kaum melalui bahasa dilihat sebagai tidak begitu berjaya kerana berdasarkan kepada pemerhatian, kebanyakan pelajar di institusi pengajian tinggi masih belum sepenuhnya mengguna-



kan bahasa Melayu.

"Sistem pembelajaran penting untuk wujudkan perpaduan negara. Saya rasa perpaduan negara melalui sistem ini masih tidak begitu berjaya," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Seminar Pemuafakatan Kementerian Pengajian Tinggi Bersama

Kementerian Pelajaran di Universiti Putra Malaysia di Serdang, dekat sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran, Datuk Alimuddin Mohd Dom dan Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi.

Ungku Aziz berkata, kementerian berkaitan perlu menyediakan satu agihan sistem pelajaran supaya pelajar dapat mempelajari bahasa Melayu bermula dari peringkat yang mudah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi.

"Maknanya pelajar boleh bercakap dalam bahasa Melayu dengan baik, tidak rojak dan tidak telor. Kalau kita ada sistem pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu yang betul, kita boleh lahirkan pelajar yang baik serta mewujudkan perpaduan kaum," katanya.

Sementara itu, Alimuddin ketika diminta mengulas perkara berkenaan pada sidang akhbar berkata, antara matlamat utama pendidikan negara sejak Laporan Razak 1956 ialah untuk mewujudkan perpaduan nasional.

Justeru, katanya, penggunaan bahasa Melayu diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara untuk mengeratkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.